

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:

- (a) apakah **usaha** Kerajaan untuk memastikan **tarif elektrik** tidak terus naik; dan

- (b) apakah **pencapaian Kerajaan** telah memberikan tiga kali rebat kepada pengguna tahun lalu dan tahun ini melalui mekanisme penjimatan hasil Perjanjian Jual Beli Tenaga (PPA) dan mekanisme semakan pelepasan kos bahan api dan penjanaan (ICPT).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tarif elektrik bagi pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung adalah ditentukan berdasarkan kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen tarif asas dan komponen *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin. Tarif asas mengambil kira harga asas bahan api utama serta kos operasi dan pembangunan pihak utiliti termasuk *Return on Regulated Asset Base* (RORB), dengan izin, manakala komponen ICPT membolehkan semua kos bahan api diselaraskan setiap 6 bulan untuk memastikan pengguna membayar kos sebenar bahan api tersebut.

2. Sebarang pengurangan atau peningkatan kos akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan setiap 6 bulan. Kedua-dua komponen tarif inilah yang menentukan jumlah sebenar bil yang perlu dibayar oleh pengguna elektrik kepada TNB. Oleh itu, sebarang penyelarasan kepada kadar tarif, sama ada peningkatan atau

penurunan adalah bergantung kepada kedua-dua komponen tarif ini khususnya komponen ICPT kerana ia melibatkan kos bahan api yang berubah mengikut harga pasaran kecuali harga gas berpaip yang dikawal oleh Kerajaan. Kerajaan tidak dapat memberi jaminan bahawa kadar tarif elektrik tidak akan dinaikkan tetapi Kerajaan mempunyai mekanisme bagi memastikan sebarang kenaikan tarif elektrik yang dibuat tidak membebankan pengguna melalui Dana Hasil Rundingan Semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan Penjana Kuasa Bebas (IPP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Menerusi mekanisme ICPT, Kerajaan telah memberi rebat tarif elektrik berjumlah RM2.57 billion bagi tempoh Mac 2015 hingga Jun 2016 sebanyak 3 kali seperti berikut:

- (a) 2.25 sen/kWj bagi tempoh Mac 2015 hingga Jun 2015;
- (b) 2.25 sen/kWj bagi tempoh Julai 2015 hingga Disember 2015. Dalam tempoh ini, sebahagian daripada pemberian rebat telah ditampung melalui Dana Hasil Rundingan Semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan

Penjana Kuasa Bebas (IPP) Generasi Pertama sebanyak
RM300 juta; dan

(c) 1.52 sen/kWj bagi tempoh Januari hingga Jun 2016.

4. Pemberian rebat ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan kadar tarif elektrik yang ditetapkan kepada pengguna mengambil kira kos pembekalan elektrik yang sebenar dan sebarang kenaikan atau penurunan dalam tarif elektrik adalah disebabkan kos bahan api yang merupakan komponen utama dalam penetapan tarif elektrik.
